



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**KEMPEN #JOMTAPAU: KOMITMEN KPKT MEMPERKASA AGENDA
PEMBANGUNAN BANDAR MAMPAN DAN BERDAYA HUNI**



Pada 25 April 2022 – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Pelancaran Kempen Harga Makanan, Elak Pembaziran #JomTapau di Majlis Berbuka Puasa bersama warga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Dewan Kristal KPKT pada hari ini.

Sesi libat urus kempen ini dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) bersempena bulan Ramadan 1443H. Ia merupakan inisiatif yang telah diperkenalkan sejak 2015 dengan objektif untuk mengurangkan pembaziran makanan dan jumlah sisa makanan yang dilupuskan di tapak pelupusan bagi mengelakkan kesan pencemaran dan pemanasan global.

Untuk rekod, 36% daripada keseluruhan sisa yang dilupuskan ke tapak pelupusan adalah sisa makanan (Kajian komposisi sisa pepejal mengikut komponen yang dilupuskan di 27 tapak pelupusan tahun 2021). Daripada jumlah tersebut, 76% merupakan sisa makanan tidak boleh dielak (inedible food waste) iaitu sisa makanan yang tidak dimakan oleh manusia seperti sisa tulang, kulit buah-buahan dan akar sayur- sayuran. Manakala, 24% daripada jumlah tersebut adalah sisa makanan yang boleh dielak (edible food waste) iaitu lebihan makanan seperti nasi, pasta, daging dan sayur- sayuran. Selain itu, sisa makanan dilihat dalam trend meningkat 15 hingga 20 peratus setiap kali tibanya musim perayaan.

Oleh itu, Kempen #JomTapau dilihat sebagai salah satu pendekatan untuk menggalakkan masyarakat dengan membungkus lebihan makanan yang masih elok untuk dibawa pulang bagi mengelakkan pembaziran. Bukan itu sahaja, sisa makanan yang dibuang di tapak pelupusan akan menghasilkan gas metana (gas rumah hijau) yang membawa kesan ke atas pemanasan bumi sebanyak 34 kali lebih besar berbanding gas karbon dioksida. Oleh itu, lambakan sisa makanan di tapak pelupusan secara tidak langsung akan menyumbang kepada pencemaran alam sekitar dan pemanasan global akibat pembebasan gas metana yang terhasil daripada proses penguraian sisa makanan.

Justeru, pada tahun ini, KPKT melalui SWCorp mengambil inisiatif untuk melaksanakan Sesi Libat Urus di Bazar Ramadan dengan fokus utama untuk mendidik masyarakat dan pengendali makanan membuat perancangan semasa membeli belah bagi mengurangkan penghasilan sisa pepejal terutamanya sisa makanan. Ia dilaksanakan dengan kerjasama masyarakat setempat serta penglibatan kumpulan sasaran iaitu perhotelan, restoran, pasar raya, pasar awam, komuniti dan sekolah menerusi program libat urus di lapangan.

Menurut YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, "Kempen Hargai Makanan, Elak Pembaziran merupakan antara komitmen KPKT dalam membugar budaya tidak membazir yang bukan hanya terhad dalam tempoh-tempoh perayaan, malah perlu diteruskan dalam kehidupan seharian masyarakat. Ini bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersih, indah dan berdaya huni, amalan berlebih- lebihan dalam penyediaan serta pembaziran makanan perlu dielakkan agar ia tidak berakhir di tapak pelupusan".

Majlis Berbuka Puasa KPKT turut diisi dengan tazkirah Ramadan, persembahan laungan qasidah dan solat tarawih berjemaah. Majlis turut dihadiri oleh YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT dan barisan pengurusan tertinggi kementerian dan agensi di bawah KPKT.

